

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NASIONAL

## Jangkitan kuman, bukan strok haba

**Kuantan:** Kes kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun yang diserang sawan selepas demam sehingga dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini malam kelmarin bukan disebabkan strok haba.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata kes itu membabitkan kanak-kanak yang dibawa melalui penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia

(TODM) dari Pulau Tioman, dekat Rompin sebaliknya didiagnosis sebagai meningitis iaitu jangkitan kuman pada otak.

Beliau berkata, kes itu mendapatkan rawatan dengan simptom sawan setelah mengalami demam, muntah dan keletihan selama dua hari sebelumnya.

"Pesakit dirawat di Jabatan Kecemasan HTAA dan menjalani siasatan melalui imbasan tomografi berkomputer (CT Scan), pengambilan darah dan di-

beri rawatan selanjutnya.

"Pesakit stabil dengan diagnosis meningoencephalitis iaitu jangkitan pada otak dan bukan strok haba seperti tular sebelum ini.

"Pesakit dimasukkan ke wad kanak-kanak HTAA untuk rawatan selanjutnya," katanya melalui kenyataan semalam.

Terdahulu, tular berita di media sosial berkaitan satu kes membabitkan kanak-kanak dari Rompin yang disyaki mengalami strok haba.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

Elak jejas kesihatan murid, pelajar akibat cuaca panas

## KKM larang aktiviti luar elak strok haba

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**KUALA SELANGOR** – Kementerian Pendidikan (KPM) mengeluarkan arahan larangan sebarang aktiviti luar termasuk kokurikulum murid dan pelajar sekolah bagi mengelak serangan strok haba berikutan cuaca panas.

Arahan itu dikeluarkan menerusi satu pekeliling yang berkuat kuasa secara serta-merta mulai kelmarin.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, kementerianya meminta semua guru besar dan pengetua sekolah di seluruh negara mematuhi garis panduan terbaru itu.

Katanya, keputusan mengenai larangan itu melibatkan semua kegiatan luar termasuk sukan, perkhemahan dan me-

rentas desa.

"Ia melibatkan semua sesi persekolahan sama ada waktu pagi atau petang dan pembelajaran hanya dijalankan sepenuhnya dalam kelas atau bilik darjah.

"Larangan terkini itu meliputi garis panduan baharu yang ditetapkan KPM selepas turut memberi kelonggaran pemakaian pakaian sukan ekoran cuaca panas ketika ini," katanya ketika ditemui pada program Ziarah Selamat Hari Raya Cikgu di Tanjong Karang, di sini semalam.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang ramai agar tidak melakukan aktiviti luar rumah jika tiada sebarang keperluan bagi mengelakkan strok haba.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa memaklumkan langkah

itu membantu mengurangkan risiko terdedah dengan haba tinggi ekoran cuaca panas yang melanda negara.

Jelas Fadhlina, pihaknya sentiasa memantau keadaan cuaca dan suhu semasa dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Setakat ini, suhu sedia ada masih tidak menentu dengan berada pada tahap Amaran Satu.

"Jika berada pada Amaran Dua dan Tiga selama tiga hari berturut-turut, kita akan memberi kelonggaran untuk sekolah dicutikan," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya bagaimanapun akan sentiasa mengikuti saranan KKM selaras dengan semua garis panduan yang ditetapkan.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NEGARA

## Kanak-kanak lelaki dibawa ke HTAA bukan sebab strok haba

**KUANTAN** – Kanak-kanak lelaki yang diterbangkan dari Pulau Tioman ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini kelmarin tidak mengalami strok haba, sebaliknya disebabkan jangkitan kuman pada otak.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, kanak-kanak berusia

lapan tahun mengalami simptom sawan dengan demam, muntah dan keletihan itu didiagnosis mengalami meningitis.

"Pesakit yang dibawa ke HTAA melalui Mercy Flight Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu dirawat di Jabatan Kecemasan HTAA.

"Pesakit dalam keadaan sta-

bil. Dia mengalami jangkitan (kuman) pada otak, bukannya strok haba seperti berita tular," katanya di sini semalam.

Semalam tular satu laporan yang menyatakan seorang kanak-kanak dipercayai mengalami strok haba diterbangkan dari Pulau Tioman menerusi penerbangan ihsan TUDM malam kel-

marin.

Menurut Nor Azimi, laporan mendapati, pada pukul 11.45 malam kelmarin, satu kes dirujuk dari Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman ke HTAA dengan pesakit didiagnosis meningitis atau jangkitan kuman.

Sementara itu, beliau mem-

Jabatan Meteorologi menunjukkan suhu harian di seluruh Pahang kurang daripada 35 darjah Celcius dan masih terkawal.

"Jabatan Kesihatan Negeri Pahang menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan berlaku kesan kesihatan berikutan cuaca panas," ujarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : LOKAL

## lokal

# Budak lapan tahun alami jangkitan pada otak, bukan sebab strok haba

**Kuantan:** Kes kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun dari Pulau Tioman, Rompin yang mendapatkan rawatan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini malam kelmarin bukan disebabkan strok haba.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, satu kes dirujuk dari Klinik Kesihatan Tekek, Pu-

lau Tioman ke HTAA pada jam 11.45 malam.

Menurutnya, kanak-kanak itu dibawa ke hospital melalui penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebelum diagnosis meningitis iaitu jangkitan kuman pada otak.

"Kes ini membabitkan kanak-kanak lelaki dari Pulau Tioman yang mendapatkan rawatan dengan simptom

sawan mengalami demam, muntah dan keletihan selama dua hari sebelumnya.

"Pesakit itu seterusnya dirawat di Jabatan Kecemasan HTAA dan menjalani siasatan melalui CT Scan, pengambilan darah dan diberikan rawatan selanjutnya.

"Pesakit dalam keadaan stabil dengan diagnosis mengalami jangkitan pada otak

dan bukan strok haba seperti yang tular sebelum ini.

"Pesakit seterusnya dimasukkan ke Wad Kanak-Kanak HTAA untuk rawatan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

JKN Pahang merujuk kepada kenyataan yang tular di media sosial semalam, berkaitan terdapat satu kes kanak-kanak dari Rompin

yang disyaki mengalami strok haba.

Dr Nor Azimi berkata, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), suhu harian bagi negeri Pahang adalah kurang dari 35 darjah Celcius dan masih terkawal.

Namun, katanya, jabatan itu menasihati orang ramai supaya sentiasa mengambil

langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan berlaku kesan kesihatan berikutan cuaca panas.

"Orang ramai boleh memantau status gelombang haba di negeri dan daerah masing-masing melalui laman sesawang MetMalaysia di <https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NASIONAL

# Siap siaga hadapi ramalan El Nino kuat Jun ini

Kerajaan, rakyat perlu  
bersedia awal meliputi  
semua aspek

KUALA LUMPUR

Persediaan awal bagi menghadapi fenomena El Nino kuat yang diramal berlaku Jun ini perlu dilaksanakan segera dengan melibatkan dua pemegang taruh utama negara iaitu kerajaan dan rakyat untuk meminimumkan impak fenomena itu.

Pakar alam sekitar, Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, walaupun Malaysia pernah beberapa kali mengalami fenomena tersebut, persiapan awal meliputi semua aspek adalah perlu bagi mengelakkan kepanikan melampau.

Ujarnya, berdasarkan rekod setakat 2015, El Nino pernah melanda negara sebanyak 12 kali iaitu sejak 1951 hingga 1952 dan kejadian yang paling teruk ialah pada 1997 hingga 1998 apabila catatan suhu tertinggi 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Peris pada 9 April 1998.

"Justeru, persediaan kerajaan adalah memantau semua aras air sungai dan empangan, mengaktifkan pelan tindak balas kecemasan, meneroka sumber air alternatif, menggalakkan orang ramai dan industri menjimatkan penggunaan air, serta melakukan penghasilan awan dan menyediakan sokongan logistik.

"Seterusnya memperingkatkan segala bentuk bantuan perubatan dan kecemasan untuk mangsa selain alat bantuan memadam kebakaran sekiranya berlaku kebakaran," katanya ketika dihubungi *Bernama*.

Untuk rakyat pula, Haliza berkata, persediaan perlu dibuat dari sudut men-



Rakyat disaran melakukan persiapan awal dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi fenomena El Nino kuat yang diramal berlaku Jun ini.

tal dan fizikal bagi menghadapi sebarang kemungkinan seperti krisis air.

"Bahan-bahan mudah terbakar perlu disimpan dengan baik manakala aktiviti pembakaran terbuka seperti membakar sampah, sisa pertanian dan sisa pembinaan perlu dielakkan.

"Sekiranya berlaku kebakaran terbuka, ia perlu dilaporkan segera kepada pihak berkuasa," ujarnya.

Pada Rabu, media melaporkan fenomena El Nino kuat dijangka bermula Jun apabila keadaan cuaca akan berubah disebabkan kehadiran monsun barat daya yang cuacanya dicirikan dengan keadaan kering dan panas.

Berdasarkan laporan tinjauan cuaca bagi tempoh Mei hingga Oktober yang dipaparkan di portal Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), kebanyakan model iklim antarabangsa menunjukkan kitaran atmosfera di kawasan tropika konsisten dengan keadaan El Nino Southern Oscillation (ENSO) adalah neutral.

Bagaimanapun, laporan itu memaklumkan keadaan neutral yang sedang berlaku itu dijangka memasuki fasa El Nino pada Mei hingga Julai ini dengan kebarangkalian 62 peratus.

Sementara itu, Pakar Kesihatan

Persekitaran, Profesor Dr Juliana Jalaludin berkata, bagi mengelakkan berlakunya strok haba ketika fenomena ini, selain banyak minum air, rakyat dinasihatkan untuk memakai pakaian berwarna terang dan ringan serta mengelakkan aktiviti fizikal.

"Sentiasa menggunakan pelindung matahari dengan SPF (Faktor Perlindungan Matahari) 15 atau lebih jika berada di luar rumah," jelas beliau.

Tambahnya, elakkan meninggalkan sesiapa pun di dalam kenderaan yang tidak bergerak kerana suhu dalaman boleh meningkat lebih daripada 11 darjah Celsius dalam masa 10 minit apabila berada di bawah matahari.

Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar pula berkata, fenomena El Nino akan meningkatkan risiko penyakit berkaitan dengan bawaan vektor seperti denggi dan malaria, serta penyakit bawaan air dan makanan seperti tifoid dan penyakit saluran pernafasan.

Menurutnya, antara persiapan yang boleh dilakukan rakyat adalah menyimpan air serta makanan yang sihat dan mencukupi selain memperbanyakkan berteduh di kawasan seperti pokok dan bumbung jika keluar dari rumah.

## Kanak-kanak 8 tahun bukan alami strok haba

KUANTAN - Seorang kanak-kanak lelaki dari Pulau Tioman, Rompin yang diterbangkan menerusi penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada malam Selasa bukan mengalami strok haba sebagaimana tular.



DR NOR AZIMI

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, sebaliknya kanak-kanak berusia lapan tahun itu mengalami jangkitan kuman pada otak.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati satu kes dirujuk dari Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) pada jam 11.45 malam, Rabu.

"Kanak-kanak itu mendapatkan rawatan dengan simptom sawan setelah mengalami demam, muntah dan keletihan selama dua hari sebelumnya.

"Pesakit seterusnya dirawat di Jabatan Kecemasan HTAA dan menjalani siasatan melalui CT Scan, pengambilan darah dan diberikan rawatan selanjutnya di wad kanak-kanak hospital tersebut.

"Pesakit dalam keadaan stabil dengan diagnosis adalah meningoencephalitis iaitu jangkitan pada otak dan bukan strok haba seperti yang tular sebelum ini," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini tular di laman sosial dan portal mengenai seorang kanak-kanak lelaki dipercayai mengalami strok haba.

Kanak-kanak yang menetap di Pulau Tioman itu telah diterbangkan menaiki helikopter EC725AP milik TUDM yang berpangkalan di 10 Skuadron Pangkalan Udara Kuantan itu selamat mendarat sekitar jam 11.30 malam, pada Rabu.

Dr Nor Azimi berkata, maklumat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), suhu harian di Pahang adalah kurang daripada 35 darjah Celsius dan masih terkawal.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS / NATION

## Prepare for strong El Nino, experts urge govt

**KUALA LUMPUR:** Experts are urging for early preparations to be made in anticipation of a strong El Nino phenomenon expected to occur next month.

The phenomenon has hit the country 12 times, with the worst occurring in 1997 to 1998, resulting in a record high temperature of 40.1°C at Chuping Meteorological Station, Perlis, on April 9, 1998.

Environmental expert Associate Professor Dr Haliza Abdul Rahman emphasised the need for the government and the public to work together to minimise the phenomenon's impact.

Haliza said early preparation was necessary to avoid extreme panic.

"The government should monitor the water level at all rivers and dams, activate emergency re-

sponse plans, explore alternative water sources, encourage water conservation by the public and industries, and provide logistic support, such as cloud seeding.

"It should improve all forms of medical and emergency assistance, such as medicines for victims and firefighting aid in the event of a fire," she said.

Haliza said the public should be mentally and physically prepared to deal with any possibility, such as a water crisis, where measures like water rationing might be necessary.

She advised the public to avoid doing activities that could cause a fire, as well as store combustible materials well and avoid open burning activities.

"This is to avoid air pollution that can cause haze. If there is an open fire, it must be reported im-

mediately to the authorities for further action," she added.

On Wednesday, it was reported that a strong El Nino phenomenon would begin next month with a change in weather conditions due to the southwest monsoon, which is characterised by dry and hot conditions.

While the Meteorological Department's portal showed most international climate models predicting atmospheric cycle in the tropical areas to be consistent with the El Nino Southern Oscillation-neutral condition, the neutral situation is expected to enter the El Nino phase this May to July with a probability of 62 per cent.

To prevent heatstroke, environmental health expert Professor Dr Juliana Jalaludin advised the public to drink plenty of water

and wear light-coloured and light clothing, as well as avoid doing physical activities.

"Always use sunscreens like broad-spectrum sunscreen with an SPF (Sun Protection Factor) of 15 or more when outdoors because sunburn affects the body's ability to cool itself," she said.

She cautioned people against leaving anyone in a stationary vehicle because the internal temperature can rise by more than 11°C in 10 minutes when under the sun.

Malaysian Public Health Organisation adviser Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the phenomenon would increase the risk of vector-borne diseases like dengue and malaria, as well as water and food-borne diseases like typhoid and respiratory tract diseases. **Bernama**

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 'Preparations for El Nino should involve govt, public'

**KUALA LUMPUR:** Early preparations to face a strong El Nino phenomenon, which is expected to occur next month, should be made with the involvement of the country's two main stakeholders – the government and the people – to minimise its impact.

Environmental expert Asso Prof Dr Haliza Abdul Rahman said although Malaysia has experienced the phenomenon several times, early preparation is necessary to avoid panic.

She added that based on records as of 2015, El Nino had hit the country 12 times, with the first between 1951 and 1952.

Haliza said the worst one occurred between 1997 and 1998, with the highest temperature of 40.1°C recorded at the Chuping Meteorological Station, in Perlis, on April 9, 1998.

"Therefore, the preparation by the government should cover the monitoring of water levels at all rivers and dams, activation of emergency response plans, exploration of alternative water sources, the encouraging of people and industry to conserve water, cloud seeding and logistics support.

► Measures must include emergency response plan, water conservation and exploration of alternative water sources, says environmental expert

"Also, improve all forms of medical and emergency assistance, including medicines for victims and firefighting aid in the event of fires."

Haliza said the public should be prepared mentally and physically to deal with any possibility, such as a water crisis, whereby measures such as water rationing would have to be done in some areas.

"The public should avoid doing any activity that could cause fires. Combustible materials should be stored well, while open burning activities such as the burning of garbage, agricultural and construction waste should be avoided."

On Wednesday, the media reported that a strong El Nino phenomenon is expected to begin next month with a change in weather conditions due to the

southwest monsoon, which is characterised by dry and hot conditions.

Based on the weather survey for the period from May to October displayed on the Meteorological Department's (MetMalaysia) portal, most international climate models show that the atmospheric cycle in tropical areas is consistent with the El Nino Southern Oscillation (Enso) neutral condition.

However, the report said the neutral situation is expected to enter the El Nino phase this month to July, with a probability of 62%.

Environmental health expert Prof Dr Juliana Jalaludin said to prevent heat stroke during the phenomenon, the public should drink plenty of water and wear light-coloured, light clothing as well as avoid physical activity.

"Also, always use sunscreen such as a broad-spectrum sunscreen with SPF (Sun Protection Factor) of 15 or more when outdoors because sunburn affects the body's ability to cool itself."

She also said no one should be left in a stationary vehicle because internal temperatures can rise by more than 11°C in 10 minutes when under the sun, Bernama reported.

Malaysian Public Health Organisation adviser Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the El Nino phenomenon will increase the risk of vector-borne diseases such as dengue and malaria, as well as water and food-borne diseases like typhoid and respiratory tract diseases.

He said one of the preparations that people can take for their health is to store adequate clean water, take healthy food, and when outside their homes, be in shady areas, such as under trees and roofs.

Zainal Ariffin said the government should ensure sufficient and efficient public water supply, make fresh and cheap food supplies easily available and give early warnings to the people.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Boy had meningitis, not heatstroke: Health Dept

**KUANTAN:** The Pahang Health Department has confirmed that a boy who was flown in a helicopter from Pulau Tioman to the Tengku Ampuan Afzan Hospital here was not suffering from heatstroke.

Department director Datuk Dr Nor Azimi Yunus said the eight-year-old was referred to the hospital by the Tekek Health Clinic in Pulau Tioman at 11.45pm on May 3 after being diagnosed with meningitis.

The authorities concerned then mobilised an evacuation flight using a Royal Malaysian Air Force helicopter to take the child to the hospital immediately.

"The patient sought treatment after experiencing fever, vomiting and fatigue for two days.

"The boy is being treated at the emergency department, following a CT scan and blood sampling that returned a diagnosis of meningoencephalitis, which is an infection of the brain," he said in a statement yesterday. - Bernama